



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN OLEH
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**TEKS DIBACAKAN OLEH
YBRS. ENCIK MAT IESAK BIN NGATHINEE
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERTANIAN
(PENGURUSAN DAN REGULATORI)**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
SEMINAR ANCAMAN SPESIES ASING INVASIF TERHADAP
TANAMAN KELAPA DAN KELAPA SAWIT**

**18 SEPTEMBER 2025 | KHAMIS
PUSAT PERTANIAN AYER HITAM JOHOR DARUL TAKZIM**

1. Terlebih dahulu, izinkan saya menyampaikan salam daripada YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian. Beliau memohon maaf kerana tidak dapat bersama kita bagi merasmikan majlis ini disebabkan komitmen rasmi yang lain. Justeru, saya diberi mandat untuk membacakan teks ucapan beliau pada majlis ini.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Penutupan Seminar Ancaman Spesies Asing Invasif terhadap Tanaman Kelapa dan Kelapa Sawit.
3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian selaku penganjur, barisan penceramah, serta para peserta yang telah memberikan komitmen tinggi sepanjang seminar berlangsung. Kehadiran dan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan amat bermakna bukan sekadar membincangkan isu teknikal, tetapi turut membincangkan kepentingan lebih besar iaitu kelestarian industri pertanian, kelangsungan ekonomi dan keterjaminan makanan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Penganjuran seminar ini amat signifikan kerana ia menyediakan platform untuk meningkatkan kefahaman mengenai ancaman *Invasive Alien Species* atau IAS, membincangkan cabaran yang dihadapi sektor tanaman kelapa dan kelapa sawit serta merangka pendekatan kawalan

yang lebih bersepadu dan lestari. Objektif utama seminar ini adalah melindungi sektor pertanian negara daripada risiko kehilangan produktiviti, pendapatan pekebun kecil dan kestabilan industri akibat serangan IAS.

5. Seperti yang kita maklum, tanaman kelapa dan kelapa sawit adalah antara komoditi penting negara. Malaysia mempunyai lebih 79,000 hektar tanaman kelapa dengan pengeluaran melebihi 600,000 metrik tan setahun, manakala kelapa sawit meliputi lebih 5.6 juta hektar tanah pertanian dan menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negara. Angka ini menunjukkan betapa besarnya kepentingan kedua-dua komoditi ini kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat.
6. Namun, kejayaan industri ini kini diancam oleh serangan spesies asing invasif yang berpotensi menjejaskan produktiviti, menurunkan hasil, serta memberi kesan langsung kepada pekebun kecil, pengusaha, dan negara secara keseluruhannya. Sekiranya kawalan tidak dilaksanakan dengan berkesan, potensi kerugian hasil kelapa dianggarkan mencecah RM1.46 bilion setahun. Angka ini bukan sahaja merangkumi impak terhadap produktiviti, tetapi juga pendapatan pekebun kecil dan keseluruhan rantai nilai industri berasaskan kelapa.
7. Antara ancaman yang telah dikenal pasti termasuk:
 - **Kumbang Merah Palma (*Rhynchophorus ferrugineus*)** yang mula dikesan di Kelantan pada tahun 2005.

Pelbagai langkah kawalan telah dilaksanakan termasuk kuarantin, pemasangan perangkap feromon, serta pengurusan kimia dan biologi. Serangan ini begitu serius sehingga perosak ini diwartakan sebagai perosak berbahaya di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 pada tahun 2011.

- **Kumbang Badak Guam (*Oryctes rhinoceros* Guam biotip)** yang dikesan di Lahad Datu, Sabah pada tahun 2024. Bancian pengesanan telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai langkah awal kawalan.

8. Buat masa ini, Jabatan Pertanian memberi tumpuan kepada pelaksanaan langkah kawalan domestik. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa terbuka untuk memperkukuh kerjasama teknikal dan perkongsian maklumat dengan negara serantau seperti Indonesia dan Filipina, memandangkan ancaman perosak ini bersifat rentas sempadan dan memerlukan tindakan kolektif di peringkat antarabangsa.
9. Langkah-langkah ini amat penting bagi mencegah penularan IAS yang mampu menjejaskan industri strategik negara. Justeru, pengurusan bersepadu yang merangkumi pencegahan, pembendungan, penghapusan dan pengawalan mesti dilaksanakan secara konsisten oleh semua pihak.

Sidang hadirin sekalian,

10. Malaysia telah mengenal pasti sebanyak 59 spesies asing invasif utama, yang dinilai berdasarkan kesan terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar. Langkah ini seiring dengan komitmen di bawah Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2016–2025, serta Pelan Tindakan Kebangsaan IAS 2021–2025, yang antara lainnya menekankan kepentingan kesedaran awam, penilaian risiko spesies eksotik dan penguatkuasaan di pintu masuk negara.
11. Ancaman IAS ini bukan sekadar isu pertanian, tetapi juga memberi kesan langsung kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar negara. Oleh itu, usaha pencegahan dan pengawalan IAS tidak boleh bergantung kepada kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan aktif sektor swasta, akademik, industri dan masyarakat setempat.
12. Saya percaya seminar ini telah memberi ruang kepada penggubal dasar, agensi pelaksana, penyelidik, industri dan komuniti untuk memperkukuh jaringan kerjasama. Resolusi serta cadangan yang lahir daripada seminar ini akan menjadi asas penting kepada strategi pengurusan IAS yang lebih holistik menjelang tahun 2030.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memastikan kelancaran dan kejayaan seminar ini, khususnya Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Negeri Johor, serta MPOB. Semoga ilmu yang diperoleh sepanjang seminar ini dapat diterjemahkan kepada tindakan nyata dalam melindungi kelestarian industri kelapa dan kelapa sawit negara.
14. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan Seminar Ancaman Spesies Asing Invasif terhadap Tanaman Kelapa dan Kelapa Sawit.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum wbt.